



Mei 1992 ISSN 0128 - 1194

# SUARA

## BANDARAYA



Gembira-Tan Sri Dato' Elyas Omar menerima Anugerah Emas Kepimpinan Sukan SAM-Benson & Hedges dari Yang DiPertuan Besar N. Sembilan Tuanku Jaafar Ibnu Tuanku Abdul Rahman

### Datuk Bandar DBKL menerima Anugerah Emas Kepimpinan Sukan

**P**ersatuan Penulis-penulis Sukan Malaysia (SAM) memilih Datuk Bandar, Tan Sri Dato' Elyas Omar sebagai penerima Anugerah Emas Kepimpinan Sukan SAM-Benson & Hedges bagi tahun 1991 kerana jasanya hampir satu dekad membantu meningkatkan mutu dan infrastruktur sukan negara khususnya dalam bidang badminton, bolasepak dan lumba basikal.

Anugerah tahunan yang berupa pingat emas dan wang tunai \$10,000 itu telah disampaikan oleh Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan dalam satu upacara khas di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Penganugerahan ini turut menempatkan Tan Sri Dato' Elyas Omar sebagai tokoh yang ketujuh yang dipilih untuk menerima anugerah ini selepas Tunku Abdul Rahman Putra (1985), Tun Abdul Razak (1986), Dato' Gurbakh Singh Kler (1987), Tan Sri Khaw Kai Boh (1988), Dato' Hj. Sidek Abdullah Kamar (1989), Dato' Dr. Aziz Durairatnam (1990).

Ketokohan Tan Sri Dato' Elyas Omar dalam dunia sukan tanahair mula terserlah apabila beliau mengambilalih pucuk pimpinan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) pada 1985.

Sejak itu, beliau banyak membuat perubahan bagi kemajuan badminton negara. Ini terbukti apabila pasukan badminton negara berjaya menjuarai beberapa kejohanan penting di peringkat antarabangsa dan sekaligus membuktikan keunggulan pemain-pemain badminton negara ini dalam arena badminton antarabangsa.

bersambung ke m.s. 3



Menang - Tan Sri Dato' Elyas Omar dan Pemain Badminton Negara Razif Sidek sedang memegang plak dan cek yang mereka menangi

**D**atuk Bandar Tan Sri Dato' Elyas Omar has been awarded the 1991 SAM-Benson & Hedges Sports Leadership Gold Award for his contributions over the past decade to improving the nation's sports standards and infrastructure, especially in badminton, football and cycling.

The annual award organised by the Sportswriters Association of Malaysia (SAM), consisting of a gold medal and \$10,000 cash, was presented by the Yang DiPertuan Besar of Negeri Sembilan at a special ceremony in Kuala Lumpur recently.

Tan Sri Elyas is the seventh recipient of this award after Tunku Abdul Rahman Putra (1985),

### TAN SRI DATO' ELYAS OMAR WINS 1991 SAM BENSON & HEDGES SPORTS LEADERSHIP GOLD AWARD

Tun Abdul Razak (1986), Dato' Gurbakh Singh Kler (1987), Tan Sri Khaw Kai Boh (1988), Dato' Haji Sidek Abdullah Kamar (1989) and Dato' Dr Aziz Durairatnam (1990).

Tan Sri Elyas's role in the country's sports arena gained prominence when he took over as President of the Badminton Association of Malaysia (BAM) in 1985.

continue to Page 3



# KANDUNGAN

SUARA BANDARAYA MEI 1992

|                                                                      |       |
|----------------------------------------------------------------------|-------|
| ■ DATUK BANDAR DBKL MENERIMA ANUGERAH EMAS KEPIMPINAN SUKAN          |       |
| ■ TAN SRI DATO' ELYAS OMAR WINS 1991 SPORT LEADERSHIP GOLD AWARD     |       |
| ■ EDITORIAL DAN ISI KANDUNGAN                                        | 2     |
| ■ DARI MEJA DATUK BANDAR                                             | 3     |
| ■ TERCANGGIH DI ASIA TENGGARA INSTITUTE LATIHAN KAKITANGAN           |       |
| ■ SOPHISTICATED IN SOUTHEAST ASIA CITY HALL STAFF TRAINING INSTITUTE | 4     |
| ■ FEBRUARI 25, 1992 PELANCARAN HARI Q (KUALITI)                      |       |
| ■ FEBRUARY 25, 1992 CITY HALL'S QUALITY DAY                          | 5     |
| ■ PENGAKAP MUDA JALIN HUBUNGAN KUALA LUMPUR-DUBAI                    |       |
| ■ BOY SCOUTS FOSTER TIES BETWEEN KUALA LUMPUR-DUBAI                  | 6     |
| ■ SISTEM ALAT PENULENAN AIR BERSIH                                   |       |
| ■ IBRAHIM, SAPURA JOHAN TILAWAH                                      | 7     |
| ■ DBKL CADANG WUJUDKAN AKTA BUANG SAMPAH                             |       |
| ■ CITY HALL TO INTRODUCE LAW ON LITTERING                            | 8     |
| ■ KAKITANGAN DBKL DIMINTA BAIKI DISIPLIN                             | 9     |
| ■ DEWAN BACAAN ATASI KEKURANGAN RUANG BACAAN                         | 10    |
| ■ TUAN HJ. GHANI MOHD RAIS KESAL PENJAJA SEWAKAN LESEN               | 11    |
| ■ ALBUM BANDARAYA                                                    | 12    |
| ■ DBKL BINA ASRAMA UNTUK ORANG-ORANG TUA                             |       |
| ■ CITY HALL TO BUILD RESIDENTIAL HOSTELS FOR THE ELDERLY             | 13    |
| ■ HARI KELUARGA BAHAGIA DBKL MERIAH                                  | 14/15 |
| ■ ANAK-ANAK YATIM TIDAK DILUPAKAN                                    |       |
| ■ MAJLIS PENYAMPAIAN CEK UNTUK MANGSA KEBAKARAN                      | 16    |
| ■ ALBUM BANDARAYA                                                    | 17    |
| ■ MEROSAKKAN POKOK BOLEH DIKENAKAN DENDA                             | 18    |
| ■ ULPK BERI KHIDMAT KOMPUTER                                         | 19    |
| ■ KLINIK SESSI MALAM DAPAT SAMBUTAN HANGAT                           | 20    |
| ■ TEORI DAN PRAKTIKAL 30 HADIR KURSUS LANSKAP                        | 21    |
| ■ PENCEMARAN UDARA DAN PEMBANGUNAN BANDAR                            | 22    |
| ■ TADIKA NURY UNTUK KECEMERLANGAN                                    | 23    |
| ■ KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA                                  | 24    |
| ■ ENCIK HARUN MD. YUSOF AKTIF DALAM PERSATUAN                        | 25    |
| ■ PANGGUNG BANDARAYA RUBIS4 JITA                                     | 26    |
| ■ PESTA SUKAN MEMERIAHKAN HARI WILAYAH                               | 27    |
| ■ LAWATAN DATUK NOORDIN TINGKATKAN KERJASAMA CASABLANCA-KUALA LUMPUR |       |
| ■ DATUK NOORDIN VISIT BOOST CASABLANCA-KUALA LUMPUR                  | 28    |



## PENASIHAT

Izman B. Hj. Ismail

## EDITOR

Zarina Ahmad Osman

## PENOLONG EDITOR

Noraffizah Nordin

## JURUFOTO

Mubarak Mohd. Atan  
Abd. Rani Mohd. Sohor

## PEMBERITA

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani  
Norita Ahmad Alwi (Pelatih UKM)

## SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya  
Kuala Lumpur digalakkan menyumbang  
sebarang berita, rencana, karikatur  
mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan  
untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya.  
Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

## EDITOR

SUARA BANDARAYA  
Bahagian Pentadbiran dan  
Hal Ehwal Awam,  
Urusetia Bandaraya, Tingkat 5,  
Bangunan Dewan Bandaraya  
Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur  
Telefon : 2916011  
Sambungan 147/432/122

## PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara  
Bandaraya tidak semestinya merupakan  
pendapat rasmi pentadbiran Dewan  
Bandaraya Kuala Lumpur

## DESIGN & LAYOUT

Design Image Advertising & Promotions Sdn. Bhd.



## DARI MEJA FROM THE DESK OF *Datuk Bandar*



**D**ewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan sentiasa berusaha menyediakan perancangan dan program bagi memastikan pembangunan Kuala Lumpur dilaksanakan secara teratur, rakyat hidup mewah, sejahtera dan selesa serta alam sekitarnya terjaga dan terpelihara walaupun menghadapi masalah seperti pengangkutan sampah, kesesakan lalu lintas, banjir kilat dan sebagainya.

Masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh DBKL lambat laun boleh diselesaikan. Kita tidak boleh berpuashati dengan cara pentadbiran dan kemajuan Kuala Lumpur yang ada ini, kerana DBKL tidak dapat lepas dari perubahan-perubahan di sekeliling seperti penggubalan undang-undang, bekul sumber manusia, harapan masyarakat, tambahan pula dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020.

Sesetengah daripada masalah-masalah yang dihadapi itu sebenarnya diluar bidang kuasa DBKL. Bagaimanapun oleh kerana masalah itu berlaku di Kuala Lumpur, misalnya masalah pen-

cemaran dan pengangkutan, DBKL secara tidak langsung akan terlibat juga dan menanggung beban tersebut dan terpaksa mengambil langkah-langkah untuk mengatasinya.

Kakitangan DBKL memainkan peranan yang sangat penting untuk menyelesaikan masalah itu kerana penyelesaian masalah bergantung kepada keupayaan dan gaya usaha semua kakitangan.

Dengan demikian kakitangan DBKL perlu mengubah sikap serta berusaha mengikis dan membasmi serta merobohkan tembok budaya kerja secara 'relaxed' yang telah lama menyelubungi dan menjadi stigma sektor awam itu budaya kerja 'pahat dengan pemukul' digantikan dengan 'budaya kerja sepanjang masa'.

Kakitangan sepatutnya ikhlas terhadap tugas yang diamanahkan dan menjalankan tanggungjawab demi memberikan kepuasan penduduk bandaraya.

Gaji yang diterima oleh semua kakitangan adalah daripada pelbagai bayaran perkhidmatan yang dikenakan kepada orang ramai, kerana itu adalah wajar kakitangan memberikan perkhidmatan sempurna demi mengekalkan nama baik bandaraya.

bersambung dari m.s. 1

Ketokohan beliau dalam kepimpinan sukan bukan setakat di situ, tetapi menjangkau juga dalam bidang bolasepak dan lumba basikal. Selaku Presiden Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur (KLFA), beliau telah berjaya menempatkan pasukan bolasepak Kuala Lumpur sebagai salah satu pasukan yang disedai di negara ini dalam beberapa pertandingan anjuran Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) di mana beliau adalah naib Presidennya.

Selain itu, beliau juga Penangas Persatuan Lumba Basikal Wilayah Persekutuan yang bertanggungjawab menghasilkan beberapa orang juara lumba basikal peringkat negara dan antarabangsa.

Selaku Datuk Bandar, beliau menerajui perancangan projek-projek kemajuan sukan sejajar dengan projek-

projek lain bagi pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur. Kuala Lumpur kini mempunyai sebuah Velodrom, Stadium Bolasepak dan Stadium Badminton yang terletak di Cheras. Selain itu, terdapat sebuah Akademi Badminton di Taman Maluri. Ini tidak termasuk beberapa projek sukan yang lain yang sama ada dalam perancangan ataupun sedang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Penglibatan Tan Sri Dato' Elyas Omar yang aktif dalam arena sukan negeri, beliau diberi kepercayaan beberapa kali menyertai kontinjen Malaysia di Kejohanan Sukan Antarabangsa seperti Sukan SEA di Manila, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik yang akan berlangsung di Barcelona tidak lama lagi.

**C**ity Hall will constantly strive to implement plans and programmes to guarantee the orderly development of Kuala Lumpur, to ensure a comfortable, secure and prosperous life for its citizens and to protect and safeguard the environment despite problems such as garbage collection, traffic congestion and flash floods.

The problems and challenges faced by City Hall can be overcome sooner or later. But we cannot be complacent about the current rate of development or administrative style, since City Hall cannot ignore changing circumstances, such as the advent of new laws, the supply of manpower and public expectations, more so with the Governments aim of achieving Vision 2020.

Some of the problems are actually beyond City Hall's jurisdiction. But since they occur in Kuala Lumpur, for example pollution and transport problems, City Hall is indirectly involved and has to shoulder the burden and take the measures to resolve them.

City Hall staff have a vital role to play in overcoming these problems as this will depend entirely on their efforts and capabilities.

Thus, City Hall employees must adopt a new attitude and rid themselves of the 'relaxed' approach to work long associated with the public sector. The 'chisel and hammer' work ethic must be replaced with the culture of 'continuous effort'.

Employees must be sincere in carrying out duties entrusted to them and fulfill their responsibilities in order to satisfy the city residents.

Employees salaries are derived from various service charges levied on the public, thus it is only fair that employees provide satisfactory services to uphold City Hall's image.

from page 1

After taking over, he has initiated many changes to raise Malaysian badminton standards. The results were evident from the many important international events won by the Malaysia shuttlers, proving they were world-beaters.

His leadership role is not limited to badminton, as he is also actively involved in football and cycling.

continue to Page 11